



SIARAN MEDIA

KPKT SOKONG FILEM LEGASI BOMBA THE MOVIE: MENGANGKAT PENGORBANAN JBPM

PUTRAJAYA, 19 OGOS 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menghadiri **Tayangan Gala Perdana : Legasi Bomba The Movie** sebagai kerjasama strategik antara industri kreatif tanah air dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Tayangan Gala Perdana ini berlangsung di Hall 10, GSC IOI City Mall, Putrajaya.

Filem aksi patriotik **Legasi Bomba The Movie** merupakan filem yang memartabatkan peranan anggota bomba sebagai **barisan hadapan yang sering mempertaruhkan nyawa demi keselamatan rakyat**. Ia juga mengetengahkan kisah penuh inspirasi tentang pengorbanan, keberanian dan nilai kemanusiaan yang dipaparkan menerusi cabaran sebenar yang dihadapi oleh anggota bomba Malaysia.

Menurut YB KM, “KPKT amat berbangga dengan penerbitan filem ini kerana ia bukan sahaja mengangkat martabat JBPM sebagai benteng hadapan keselamatan rakyat, malah memberi inspirasi kepada seluruh masyarakat untuk lebih menghargai jasa wira-wira tidak didendang ini. Filem ini juga menjadi medium mendidik generasi muda tentang erti pengorbanan, keberanian dan amanah”.

Penerbitan filem ini dijangka dapat **memperluaskan apresiasi rakyat terhadap profesion bomba selain mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat**. KPKT percaya bahawa filem ini akan menjadi wadah penting untuk **merapatkan hubungan antara agensi kerajaan dengan rakyat** melalui medium seni dan budaya popular. **KPKT menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menonton Legasi Bomba The Movie** di pawagam berhampiran sebagai tanda sokongan terhadap anggota bomba yang sentiasa berkorban demi keselamatan negara.

Legasi Bomba The Movie diarahkan oleh dua pengarah berpengalaman iaitu James Lee dan Frank See yang telah berjaya menggabungkan gaya penceritaan sinematik yang dramatik dan realistik untuk menghidupkan naskhah ini di layar perak. Filem ini diterbitkan oleh Multimedia Group dengan kerjasama dan sokongan padu daripada rakan strategik industri iaitu Golden Screen Cinemas (GSC), Astro, dan Six Fun Media. Legasi Bomba The Movie akan mula ditayangkan secara rasmi di pawagam seluruh Malaysia bermula 21 Ogos 2025 dan dijangka menjadi antara filem aksi tempatan paling berpengaruh tahun ini.

Turut hadir pada malam ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Ketua Pengarah JBPM, YAS Dato' Sri Ts. Nor Hisham bin Mohammad, barisan pengurusan tertinggi KPKT serta pegawai-pegawai kanan dan anggota bomba.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

